

Keperluan Mewujudkan Jawatan Pembantu Bengkel Di Tiga Buah Sekolah Menengah Teknik Di Daerah Johor Bahru: Satu Tinjauan

Lokman Bin Mohd Tahir & Noor Aishah Binti Mohd Nasir

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini merupakan satu tinjauan untuk mengetahui keperluan mewujudkan jawatan pembantu bengkel di tiga buah sekolah menengah teknik di daerah Johor Bahru. Seramai 70 orang guru dari semua kursus yang mengajar amali di bengkel telah dipilih sebagai responden kajian ini. Kajian ini dijalankan dengan mengedarkan satu set soal selidik kepada responden. Data telah dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan program Statistical Package For Social Sciences (SPSS) 13.0 for windows dan secara manual. Kajian rintis telah dijalankan terhadap 10 orang guru yang mengajar matapelajaran amali di Sekolah Menengah Teknik Juaseh Kuala Pilah di Negeri Sembilan untuk menguji kebolehppercayaan instrumen kajian dan nilai didapati adalah 0.853. Tujuan projek ini dijalankan secara ringkasnya ialah untuk mengetahui sejauhmana keperluan jawatan baru ini dapat membantu menyelesaikan beberapa masalah yang berhubungkait dengan pengurusan bengkel, pengurusan masa, beban tugas guru dan juga pengawalan disiplin pelajar. Segala maklumat mengenai tanggapan guru-guru terhadap aspek-aspek yang dikaji diperolehi melalui soal selidik yang telah dilengkapkan oleh mereka. Cadangan yang diberikan mengikut aspek yang dikaji adalah pihak sekolah perlu peka iaitu memikirkan kepentingan mewujudkan jawatan baru dalam membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh guru-guru. Hasil penganalisisan terhadap data ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya responden mempunyai tanggapan positif terhadap cadangan mewujudkan jawatan pembantu bengkel di sekolah menengah teknik.

Katakunci : pembantu bengkel

Pengenalan

Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional telah mula berkembang sejak tahun 1946, iaitu mengikut arus perkembangan pendidikan semasa. Bermula daripada aliran vokasional, pada tahun 1996, sekolah menengah vokasional telah dinaikan taraf menjadi sekolah teknik. Perubahan-perubahan yang berlaku bukan sahaja pada nama institut tersebut malah kurikulum dan sistemnya juga turut diperbaharui. Berdasarkan perkembangan ini, kemudahan fizikal dan kelayakan dan kualiti tenaga pengajar juga dipertingkatkan, sesuai dengan peruntukan tinggi yang dikeluarkan oleh kerajaan bagi mengharapakan hasil yang maksimum.

Pengurusan yang baik adalah dijalankan oleh seorang pengurus yang baik. Di sekolah guru yang bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja pengurusan di bengkel. Tanggungjawab pengurusan ini dijalankan disamping tugas utama seorang guru terhadap pengajaran. Adalah tidak dapat dinyatakan dengan tepat bahawa bidang tugas guru di bengkel meliputi keseluruhan pengurusan di bengkel. Beban tugas yang dipertanggungjawabkan walaupun berat, terpaksa juga dijalankan untuk mengekalkan prestasi yang baik terhadap profesionalisma perguruan iaitu patuh kepada arahan majikan sehinggalah daripada Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bidang tugas pengurusan di bengkel lebih menitikberatkan kepada bidang-bidang menyenggara, mentadbir, mengorganisasi, mengawas serta menjaga bengkel dan lain-lain. Tugas selain daripada mendidik, guru juga perlu menguruskan bengkel yang penuh dengan tugas tertentu. Mewujudkan satu profesion pembantu untuk menjalankan kerja-kerja pengurusan di

bengkel adalah satu usaha yang patut difikirkan bagi mengemaskinikan jentera pentadbiran sekolah serta di bengkel-bengkel sekolah teknik dan vokasional.

Pernyataan Masalah

Jawatan pembantu bengkel adalah dicadangkan di bengkel-bengkel sekolah menengah teknik. Ini adalah untuk memaksimumkan kerja-kerja pengurusan dan penyenggaraan bengkel. Ianya juga dikira supaya dapat mengurangkan beban tugas guru supaya ketidakpuasan bekerja tidak akan berlaku seta ianya boleh membantu proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar. Kewujudan jawatan ini adalah bermula daripada masalah yang timbul, beberapa objektif dan persoalan yang memerlukan jawapan melalui kajian ini.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi:-

1. Mengkaji kesesuaian pengwujudkan jawatan pembantu bengkel dapat membantu guru dalam proses pembelajaran dari segi pengurusan bengkel
2. Mengkaji penggunaan masa yang dapat dikurangkan dengan kewujudan jawatan pembantu bengkel
3. Mengkaji peranan jawatan pembantu bengkel dalam mengurangkan beban tugas guru ketika mengendalikan peralatan di bengkel
4. Mengkaji bantuan pengawasan disiplin pelajar yang diperlukan daripada pembantu bengkel kepada guru ketika kerja amali dilaksanakan

Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keperluan mewujudkan jawatan pembantu bengkel di Sekolah Menengah Teknik. Ia dikaji berikutan dengan terdapatnya beberapa kekangan yang dihadapi oleh guru-guru di Sekolah Menengah Teknik dalam menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan bengkel di sekolah.

Guru

Kajian yang dijalankan ini boleh membantu guru-guru di sekolah menengah teknik yang mengajar mata pelajaran amali di bengkel. Seterusnya dapat membantu meringankan tugas guru yang semakin banyak pada hari ini. Melalui kajian ini, terdapat beberapa masalah yang dibincangkan bagi menyokong wajarkah kewujudan pembantu bengkel ini di sekolah-sekolah menengah teknik. Kajian ini sedikit sebanyak membantu guru-guru di sekolah menengah teknik dari segi pengurusan bengkel, pembahagian masa pengajaran dan pembelajaran, pengawasan disiplin pelajar serta mengawasi keselamatan bengkel. Dengan adanya pembantu bengkel, beban guru dapat diringankan serta pengurusan bengkel akan lebih sistematik dan teratur.

Sekolah

Sekolah juga dapat menghasilkan guru yang berkualiti dengan adanya pembantu yang boleh membantu mengurangkan beban tugas guru. Guru juga dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada pengajaran dan pembelajaran. Sekolah juga perlu memikirkan tentang faedah-faedah dengan wujudnya jawatan pembantu bengkel di sekolah menengah teknik ini.

Pelajar

Dengan adanya jawatan pembantu bengkel, dapat membantu meningkatkan kefahaman pelajar kerana pelajar dapat meminta pertolongan daripada pembantu bengkel selain daripada guru yang mempunyai masa yang terhad. Kadangkala pelajar tidak peka tentang keselamatan yang perlu mereka patuhi, dengan adanya pembantu bengkel ini dapat membantu guru mengawal disiplin

pelajar dalam penggunaan alatan di bengkel serta pengurusan dan penyimpanan alatan setelah digunakan dengan cara yang betul dan teliti.

Reka Bentuk Kajian

Kaedah kajian yang digunakan bagi kajian ini ialah kaedah tinjauan. Pengkaji telah menggunakan bentuk kajian deskriptif untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Mohd Majid Konting (1990), menyatakan bahawa kajian diskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamatkan untuk menerangkan kaedah untuk mendapatkan maklumat yang sedang berlaku. Beliau juga menyatakan bahawa kajian diskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamatkan untuk menerangkan kaedah untuk mendapatkan maklumat yang sedang berlaku. Beliau juga menyatakan bahawa setiap kajian memerlukan pencernaan formal untuk memperolehi satu gambaran yang menyeluruh dan lebih menyemai sesuatu keadaan supaya perumusan persoalan benar-benar meliputi semua aspek kajian. Semua data yang diperolehi melalui kajian diskriptif boleh digunakan sebagai dasar untuk membuat keputusan. Bentuk kajian diskriptif adalah kajian yang membolehkan maklumat yang mudah dapat dikimpulkan (Mc Millan dan Schumacher, 1984). Kajian diskriptif hanya melibatkan penerangan punca dan akibat berdasarkan data yang diperolehi. Dalam kajian diskriptif penyelidik tidak ada kawalan ke atas apa yang hendak dikaji. Dengan lain perkataan, penyelidik tidak boleh memanipulasikan apa-apa factor atau fenomena yang akan mempengaruhi tingkah laku subjek atau pencapaiannya (McMillan, 1996).

Borang soal selidik digunakan sebagai alat untuk mendapatkan data dan maklumat yang diperlukan iaitu untuk mengkaji keperluan mewujudkan jawatan pembantu bengkel di sekolah-sekolah Menengah Teknik di daerah Johor Bahru. Pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini termasuklah pengurusan bengkel, pengurusan masa, beban tugas guru dan pengawasan disiplin pelajar. Menurut Mohd. Najib (1999) instrument soal selidik adalah sesuai untuk pengukuran efektif bagi tujuan mengetahui kecenderungan, sikap, persepsi dan sebagainya. Soal selidik adalah kaedah yang paling mudah dan cepat untuk memperoleh maklumat penyelidikan (Mohd. Majid Konting, 1990).

Populasi dan Sampel Kajian

Dalam kajian ini populasi sasarannya terdiri daripada guru-guru Sekolah Menengah Teknik. Sampel kajian yang dipilih adalah terdiri daripada guru di tiga buah Sekolah Menengah Teknik yang terdapat di Johor Bahru. Sampel kajian yang dipilih adalah daripada sekumpulan guru yang mengajar amali dari setiap tiga buah sekolah yang telah dipilih. Mereka ini adalah kumpulan guru yang banyak menjalankan pengajaran dan pembelajaran di dalam bengkel. Persampelan ini dinamakan persampelan berkelompok iaitu masih mengekalkan prinsip rawak dan membenarkan reka bentuk kajian yang dicakupi dalam skop penyelidikan individu. Sehubungan itu, senarai keseluruhan populasi tidak diperlukan. Pensampelan kelompok adalah sampel mudah di mana setiap unit pensampelan adalah himpunan atau kelompok unsure-unsur.

Jadual 1 : Bilangan Responden Guru Di Tiga Buah Sekolah Menengah Teknik

Sekolah	Bilangan Guru
Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru	18
Sekolah Menengah Teknik Tanjung Puteri	36
Sekolah Menengah Teknik Azizah	16
Jumlah	70

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik. Responden dikehendaki membuat satu pilihan yang sesuai bagi setiap pernyataan yang dikemukakan berdasarkan Skala Likert 5 pemeringkatan. Skala Likert digunakan di mana responden dan subjek dikehendaki menandakan jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem ke ekstrem yang lain (Mohd Najib, 1999). Responden dikehendaki membuat pilihan jawapan berdasarkan kepada tahap persetujuan mereka. Tahap persetujuan adalah merangkumi lima peringkat iaitu Sangat Setuju, Setuju, Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju dan Tidak Pasti. Dengan beranggapan bahawa maklumbalas kepada setiap pernyataan mempunyai perkaitan, pengkaji boleh meletakkan nilai skor 1 hingga 5 (Baker, 1988). Skala yang dimaksudkan adalah seperti di jadual 2.

Jadual 2: Skala Likert 5 Pemeringkatan

Skala	Peringkat
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Tidak Pasti (TP)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (ST)

Nilai skor 1 hingga 5 memudahkan responden menandakan jawapan mereka dalam borang soal selidik. Kaedah ini sesuai digunakan dan menjimatkan masa. Dengan cara membuat kod, data dapat ditukar kepada simbol angka yang dapat dihitug (Syed Arabi, 1992).

Kajian Rintis

Sebelum pengkaji menjalankan kajian sebenar, kajian rintis dilakukan terlebih dahulu. Kajian rintis dapat mengesan dan mengenalpasti sesuatu pernyataan yang tidak sesuai dan juga boleh mengelirukan responden semasa menjawab borang soal selidik.

Tujuan menguji soal selidik adalah untuk menentukan (i) soalan-soalan untuk mendapatkan maklumat yang boleh memenuhi objektif kajian, (ii) semua fasa penting kajian telah dirangkumi, (iii) soal selidik ditadbir secara lancar, (iv) soalan difahami sepenuhnya oleh responden dan penemuduga. (Kamarudin & Roslim, 1990). Dan tujuan kajian rintis ini dibuat adalah untuk mengenalpasti kesukaran-kesukaran item seperti kesalahfahaman soalan oleh responden, arahan yang tidak jelas dan masalah-masalah yang berkaitan (Stanley & Sedlack 1992).

Dalam kajian ini, seramai 10 orang guru telah dipilih di Sekolah Menengah Teknik Juaseh Kuala Pilah sebagai sampel bagi kajian rintis. Mereka terdiri daripada guru-guru yang telah berpengalaman dalam bidang perguruan yang mengajar amali di bengkel di sekolah tersebut. Sampel kajian ini terdiri daripada guru yang tidak terlibat dalam kajian sebenar. Pengkaji menggunakan ujian kebolehpercayaan dalam perisian SPSS untuk mengukur kebolehpercayaan instrumen kajian. Formula Alpha Cronbach digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen tersebut. Didapati pekali kebolehpercayaan bagi kajian rintis ialah 0.853. Ini bermakna kajian ini mempunyai indeks kebolehpercayaan yang tinggi dan instrument kajian ini dapat mengukur pembolehubah dengan tekal.

Analisis Data

Jadual 3 : Purata peratusan dan min responden bagi persoalan kajian mengenai keperluan mewujudkan jawatan pembantu bengkel di Sekolah-sekolah Menengah Teknik di daerah Johor Bahru

Bil	Persoalan Kajian	Purata						Min
		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		
		N	%	N	%	N	%	
1.	Adakah jawatan pembantu bengkel yang diwujudkan dapat membantu guru dalam proses pembelajaran dari segi pengurusan bengkel	14.8	21	12	17.4	43	61.3	3.5
2.	Adakah penggunaan masa dapat dikurangkan sekiranya terdapat pembantu bengkel	12.4	17.9	6.3	9.4	51.6	74	3.77
3.	Adakah kewujudan jawatan pembantu bengkel dapat mengurangkan beban tugas guru dalam mengemalakan peralatan di bengkel	5.5	7.9	6.4	9.1	58	83	4.1
4.	Adakah dengan kewujudan jawatan pembantu bengkel ini dapat membantu pengawasan disiplin pelajar ketika kerja amali dilaksanakan	0.6	0.86	1.3	2.6	67.9	96.2	4.4

Setelah mendapatkan keputusan analisis data dan dapatan kajian, kesimpulan yang dapat dibuat secara keseluruhan adalah purata min bagi keempat-empat persoalan kajian ini adalah pada nilai 3.9.

Jika dilihat pada purata min bagi keempat-empat persoalan kajian ini, soalan kajian yang ke 4 menunjukkan nilai purata min yang tertinggi iaitu pada nilai 4.4. Ini menunjukkan bahawa

guru-guru di sekolah-sekolah Menengah Teknik di daerah Johor Bahru sangat bersetuju dengan keperluan mewujudkan jawatan pembantu bengkel ini dari segi pengawasan disiplin pelajar. Dengan adanya pembantu bengkel, dapat membantu guru-guru dalam pengawasan disiplin pelajar termasuk memantau keselamatan pelajar semasa di bengkel, penggunaan alat, mengawal aktiviti pelajar semasa amali dan sebagainya.

Manakala purata min yang terendah bagi keempat-empat persoalan kajian ini adalah persoalan kajian 1 iaitu dari aspek pengurusan bengkel pada nilai 3.5. ini. Ini menunjukkan bahawa dari aspek pengurusan bengkel, guru masih lagi mampu mengurus dengan baik. Walaubagaimanapun, mereka masih lagi bersetuju dengan keperluan mewujudkan jawatan pembantu bengkel ini.

Secara kesimpulannya, dapat dilihat di sini bahawa guru-guru di Sekolah Menengah Teknik di daerah Johor Bahru bersetuju dengan kewujudan pembantu bengkel di sekolah-sekolah menengah teknik. Dengan adanya pembantu bengkel ini, ia dapat membantu guru dalam aspek pengurusan bengkel, pengurusan masa, mengurangkan bebann tugas guru dan juga pengawasan disiplin pelajar. Maka itu wajarlah jawatan ini diwujudkan di setiap Sekolah Menengah Teknik di daerah Johor Bahru dan juga di negeri-negeri yang lain.

Perbincangan

Menurut Korweit (1989) pengurusan masa guru adalah pengurusan masa dalam kawalan guru iaitu penggunaan masa yang berkesan dalam bilik darjah. Beliau juga menyatakan jika terlalu sedikit masa yang digunakan dalam pengajaran subjek tersebut sukar dipelajari. Oleh yang demikian, lebih banyak masa digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran, lebih banyak kesan positif dalam pencapaian.

Menurut Boehr dan Newmon (1982) pula, tekanan kerja berlaku hasil dari proses interaksi antara pekerja dengan kerjayanya dan digambarkan melalui perubahan-perubahan di dalam diri mereka. Meskipun tekanan boleh menguatkan daya ketahanan seseorang, namun begitu apabila mereka dibebankan dengan tugas yang keterlaluan dalam satu-satu jangka masa akan menyebabkan mereka mengalami rasa keletihan, hilang kawalan atau ditakuti oleh keadaan. Jadi pengawalan masa adalah penting

Daripada maklumat kajian didapati bahawa guru-guru bersetuju menyatakan bahawa beban tugas dapat dikurangkan jika wujudnya pembantu bengkel bagi membantu guru-guru dalam hal yang berkaitan dengan bengkel. Guru juga dapat menunmpukan sepenuh perhatian terhadap proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih sempurna. Perasan berpuas hati terhadap pembahagian tugas yang diberikan antara guru dan juga pembantu bengkel dapat melicinkan lagi semua tugas yang telah ditetapkan kepada mereka. Dapatan ini disokong dengan pernyataan Wan Azmi Ramli (1985), pada struktur yang sangat penting dalam organisasi ia berperanan membahagi-bahagikan kerja dan fungsi dengan waras, memberi dan mewakilkan tanggungjawab dan kuasa yang sesuai kepada kakitangan bawahan, bilangan kakitangan bawahan yang sepatutnya pula termampu dipikul oleh pengurusan yang lebih tinggi. Menurut beliau lagi organisasi menjadi semakin kompleks, bahagian-bahagian khusus mungkin perlu diwujudkan untuk menyediakan perkhidmatan yang selaras atau kaitangan yang berkelayakan dikehendaki dikesemua peringkat organisasi

Dengan itu, amatlah penting pembahagian tugas yang adil dan berkesan dapat membantu guru atau seseorang individu itu sendiri dalam menguruskan sesuatu tugas yang telah diberikan. Pembahagian tugas yang berkesan itu amat penting bagi memastikan kepuasan bekerja itu dapat

dicapai dengan lebih baik. Ini adalah untuk memastikan tiada keluhan dari pelbagai pihak terhadap beban tugas yang telah ditetapkan.

Melalui maklumat yang telah diperolehi melalui dapatan kajian guru-guru kebanyakan bersetuju menyatakan bahawa dengan adanya pembantu bengkel, pengawasan disiplin pelajar dapat dikawal bersama antara guru dan juga pembantu. Ini adalah penting kerana pengawasan disiplin itu adalah perlu bagi mengelakkan sebarang kejadian atau kemalangan yang tidak disengajakan berlaku. Menurut Rubiah Sidin (1998), pemimpin seharusnya berupaya memandu, memendorong atau menggerakkan orang-orang yang dipimpin ke arah sesuatu matlamat tertentu. Pemimpin memerlukan juga sikap tertentu untuk mempengaruhi orang lain. Dia harus mempunyai pengertian dan tanggapan yang tajam terhadap individu-individu yang saling berurusan dengannya. Kenyataan ini jelas menerangkan bahawa pembantu bengkel dan guru adalah orang yang bertanggungjawab dalam memantau serta mengawal segala aktiviti pelajar sewaktu menjalankan kerja-kerja amali di bengkel.

Bagi Hassan (1993) pula, disiplin memainkan peranan penting dalam melaksanakan sesuatu tugas. Berjaya atau gagalanya sesuatu tugas bergantung kepada patuhnya individu mengikuti peraturan-peraturan yang dikenakan. Sebagai kakitangan dan juga pensyarah, ia seharusnya menjadi contoh kepada pelajar dan pengguna lain semasa melaksanakan sesuatu peraturan. Kenyataan ini menjelaskan bahawa tugas memantau atau mengawal disiplin pelajar bukan sahaja untuk guru, malah jikadibantu dengan pembantu yang boleh membantu mereka ini akan menjadikan pengawasan disiplin pelajar itu akan lebih berkesan.

Dengan ini jelaslah membuktikan bahawa pengawasan disiplin itu perlu dilakukan bukan hanya dari seorang individu malah ia akan jadi lebih baik jika ada seorang pembantu yang boleh membantu guru mengawal disiplin pelajar dengan lebih berkesan bagi mengelakan sebarang kejadian atau kemalangan yang tidak diingini berlaku.

Rujukan

- Asmah Ahmad (1989), *Kemahiran Berfikir* , Kuala Lumpur
- Ayob Jabal. *Keperluan Pembantu Makmal Universiti* : Tugas VS Pengiktirafan. UTM Skudai
Fakulti Sains.
- Bitter LR (1985), *What Every Supervisor Should Know*, New York : Mc Graw Hill.
- Cartwright, D (1965), *Influence Leadership And Control*, Chicago: Rand Mc Nally
- Dlayton P. Aldefer (1970), *Existence, Relatedness, and Growth*, New York: Mc Graw Hill.
- Etzionai, Amitai (1968), *Complex Organization*, New York : The Free Press.
- Eric Hoyle (1980), *Prodesionalization and Deprofessionalization in Education*, world
Yearbook of Education.
- F. Herzbert B Mausner (1959), *The Motivation To work*, New York : John Wiley & Son.
- Harapajan Singh, Abdul Hamid Bin Othman (1998), *Pengurusan Industri*: IBS Buku Sdn.Bhd.
- Isahak Haron (1980), *Keguruan Dan Perguruan ke Arah satu Profession*, Johor Bahru.
- M.R. Jones ed. (1955), *Nebraska Symposium On Motivation*, Lincoln : University Of Nebraska
Press.
- Maimunah Aminudin (1994), *Tahap Pengurusan Masa Guru-Guru Di Sekolah Menengah
Taman Universiti*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nor Fariza (2002), *Amalan Keselamatan Di Bengkel Kemahiran Hidup*, Universiti Teknologi
Malaysia
- Playton D Alderfer (1970), *Existence, Relatedness & Growth*, New York : Mc Grow Hill
- Roshidi Hassan (1990), *Motivasi Dalam Pengurusan*, Sekolah Ekonomi & Pentadbiran Awam.

Salwa Abu Bakar (1996), *Kajian mengenai beban tugas guru sek. men. di Daerah Johor Bahru*, Universiti Teknologi Malaysia.

Syed Amin Al Jeffri (1998), *Sekilas Pandang Gaya Pengurusan Masa Kini* : Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd Kl.

Van Fleet, David D (1988), *Contemporary Management*, U.S.A. Houghton Mifflin Company.

Wan Mohd Zahid Mohd Nordin (1993), *Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian*, Kuala Lumpur.

Wan Azmi Ramli (1985), *Pengurusan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution.

Yahya Abd. Hamid (1989), *Pengurusan Workshop*, Selangor : IBS Buku Sdn. Bhd.